



Minyak baharu
RON95 E4M akan
diperkenalkan
di Malaysia pada
Januari 2020

13



RON95 E4M dijual Januari ini

E4M merupakan petrol berkualiti setanding RON97

PUTRAJAYA

Gred petrol RON95 berkualiti tinggi dengan spesifikasi standard bahan bakar Eropah EURO4M (E4M) akan mula diperkenalkan di stesen minyak seluruh negara bulan Januari depan.

Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Muez Abd Aziz berkata, E4M yang merupakan petrol berkualiti setanding RON97 akan menggantikan standard E2 yang sedang digunakan.

Beliau berkata, pihak industri telah bersedia untuk melaksanakan penjualan gred tinggi RON95 itu dengan kerja-kerja di peringkat depoh dan stesen minyak telah dan sedang dijalankan.

Menurutnya, tidak banyak negara yang mempunyai standard E4M dan antara negara yang menggunakan ialah United Kingdom dan Australia.

RON95 E4M

1. Berkualiti tinggi (menggantikan standard E2)
2. Setanding dengan RON97
3. Mengurangkan pengeluaran asap (penjagaan alam sekitar, persekitaran lebih sihat)
4. Penjagaan enjin (enjin lebih bersih)
5. Antara negara yang menggunakan E4M ialah United Kingdom dan Australia
6. Mengikuti standard bahan bakar Eropah



"RON95 E4M adalah tinggi kualitinya dan tahun hadapan pengguna akan dapat menikmatinya," katanya dalam temu bual bersama Bernama.

Muez berkata, antara kebaikan RON95 E4M adalah aspek penjagaan kualiti alam sekitar kerana penggunaannya dapat mengurangkan pengeluaran asap serta penjagaan enjin lebih bersih.

Beliau berkata, KPDNHEP mendapatkan kerjasama syarikat petrol seperti Shell, Petronas dan Petron bagi pelaksanaan inisiatif itu.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail

sebelum ini dilaporkan berkata, pengenalan kualiti bahan api yang lebih tinggi adalah salah satu usaha untuk mencapai matlamat Dasar Teknologi Hijau Negara 2009 iaitu mengurangkan pencemaran alam sekitar serta kesan kepada kesihatan orang awam.

Matlamat tersebut juga menjadi janji ke-39 Mengimbangi Pembangunan Ekonomi Dengan Perlindungan Alam Sekitar dalam manifesto Pakatan Harapan.

Muez berkata, mana-mana syarikat yang didapati melanggar arahan tersebut boleh diambil tindakan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. - Bernama

HARI : JUMAAT
TARIKH : 13/12/2019
M/SURAT : 13